



PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-1 1031980 / WWW.PIKM.MY

Presiden
DATO' SRI HJ RAMLI B. HJ YUSUFF

Timbalan Presiden
MOHAMMAD UBAlDILLAH BIN IMAN

Naib Presiden
DATO' HJ. JAAFAR BIN HJ MAT
BRIG JEN DATO' ZAINAL BIN ABD RAHMAN
TUDM (B)
SALIZA ABDULLAH

Setiausaha Kehormat
DATO' HABIBULLAH BIN DATO' HJ AHMAD

Bendahari Kehormat
FIKHRAN HAMSHI BIN TAN SRI MOHAMAD
FATMI

Penolong Setiausaha
ASSYANUR NASYRAH BT ISHAK

Penolong Bendahari
AINI SURAYA BINTI DATUK OSMAN

Ahli-ahli Jawatankuasa
KAPTEN DATO' ISMAIL B. ISHAK (B)
DATO' ROSMARAYU BINTI MOKHTAR
DATUK HJ ZAIDI BIN MOHAMED
MEJAR MOHD ZAINAL BIN JUNI (B)
IR. SOFIA BINTI JOHARI
DATUK M. SHANKER RAJ AYANGER
ACP. ZAKARIA BIN ADAM (B)
DATO' DR BASANT SINGH SIDHU
DATO' DR. YUNUS BIN RAHMAT

Juruaudit Dalam
MOHD HODORI B. SARBINI
ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

Pengerusi WP Kuala Lumpur
ADILA BIN DATO' ABDULLAH

Pengerusi Negeri Selangor
DATO' DR. S. PRABAKARAN

Pengerusi Negeri Johor
DATUK HJ. MHD. TAHIR B. HJ. MOHD NOAH

Pengerusi Negeri Perak
ZAITON BT MOHD NUSI

Pengerusi Negeri Kelantan
HJ. AFENDI BIN MUKHTAR

Pengerusi Negeri Terengganu
CHE MOHAMAD NOOR BIN HUSAIN

Pengerusi Negeri Pahang
MOHAMAD TARMIZI B. MOHAMAD GHANI

Pengerusi Negeri Pulau Pinang
MUHAMMAD SYAFIQ B. HJ. ISHAK

Pengerusi Negeri Kedah & Perlis
DATO' HJ. MD ROSLI BIN HJ. ABD WAHAB

Pengerusi Negeri Melaka
DATO' SRI GAN PENG LAM

Pengerusi Negeri Sembilan
HAJI KHAIDZER BIN HAJI KEDAH

Pengerusi Negeri Sabah
MOHD ISMAIL BIN HJ. AYOB

Pengerusi Negeri Sarawak
SHAHARUDDIN B. DATO' SAMSI

Sekretariat

Pengurus Besar
JEFF NOR JETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/AHLI/MAT29/NOTIS/2022(1)

9 NOVEMBER 2022

PRESIDEN DAN AHLI JAWATANKUASA PIKM SEMUA AHLI PIKM JURUAUDIT BERTAULIAH JURUAUDIT DALAMAN LEMBAGA DISIPLIN PIKM

YBhg. Tun/Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (PIKM) KE-29

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa selaras dengan peruntukan Artikel 8 dan Artikel 9 Perlembagaan Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM), Ahli Jawatankuasa PIKM telah memutuskan untuk mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) PIKM Ke-29 pada ketetapan seperti berikut:

TARIKH : 9 DISEMBER 2022 (JUMAAT)

MASA : 2.30 PETANG - 6.00 PETANG

- i. **PENDAFTARAN BERMULA JAM 10.00 PAGI SEHINGGA 2.00 PETANG**
- ii. **MAKAN TENGAH HARI BERMULA JAM 11.00 PAGI SEHINGGA JAM 2.00 PETANG**

TEMPAT : DEWAN MENTARI, MÖVENPICK HOTEL AND CONVENTION CENTRE KLIA, KOMPLEKS TH SEPANG, JALAN MASJID KLIA, 64000 SEPANG, SELANGOR

ATURCARA : Dinamakan Lampiran 1

AGENDA : Dinamakan Lampiran 2

PAKAIAN : Formal dan kemas

3. Semua ahli diminta untuk :

3.1 Menamakan **dua (2) orang Perwakilan** terdiri daripada **Pemegang Saham atau Ahli Lembaga Pengarah Syarikat** untuk menghadiri mesyuarat agung;

- 3.2 Memastikan perwakilan yang dinamakan hendaklah mematuhi **Artikel 9 (Perkara 9.5) Perlembagaan PIKM**;
 - 3.3 Membuat **cadangan usul** Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) PIKM Ke-29 sekiranya ada.
4. Bersama ini dilampirkan **Tatacara penggunaan Portal e-PIKM (www.e-pikm.my)** bagi mengisi borang Pendaftaran Perwakilan dan Cadangan Usul seperti di **Lampiran 3. Borang-borang** tersebut perlu **dilengkapkan melalui Portal e-PIKM** yang kemudiannya **dicetak, ditandatangani dan dicop** untuk dikemukakan kepada Sekretariat PIKM menerusi emel **agm29@pikm.my**.
- 4.1 **Borang Pendaftaran Perwakilan (Borang A)** - *Panduan mengisi Borang A sila rujuk Lampiran 4*; dan
 - 4.2 **Borang Cadangan Usul Bertulis (Borang B)** - *Jika ada, sila rujuk panduan mengisi Borang B seperti di Lampiran 5*.
5. **Borang Perwakilan (Borang A)**
- 5.1 Diisi dan disahkan secara bertulis oleh Pengarah Urusan selepas dicetak di Portal e-PIKM;
 - 5.2 Dikemukakan kepada Sekretariat PIKM ke alamat emel **agm29@pikm.my**; dan
 - 5.3 Bagi kelancaran dan persediaan awal, diminta syarikat mengemukakan Borang A **pada atau sebelum 24 November 2022 (Khamis)**, sebelum jam 5.30 petang (15 hari sebelum tarikh AGM).
6. **Borang Cadangan Usul (Borang B) - sekiranya berkaitan**
- 6.1 Diisi dengan lengkap jika ada usul;
 - 6.2 Disahkan secara bertulis oleh Pengarah Urusan selepas dicetak di Portal e-PIKM;
 - 6.3 Dikemukakan kepada Sekretariat PIKM ke alamat emel **agm29@pikm.my**; dan
 - 6.4 Tarikh akhir penerimaan Borang B **pada 18 November 2022 (Jumaat) sebelum jam 5.30 petang** selaras dengan Perlembagaan PIKM pada Artikel 9.2 iaitu 21 hari sebelum tarikh AGM.
7. Diingatkan semua ahli hendaklah menjelaskan yuran tahunan keahlian 2022 dan tahun-tahun sebelumnya serta sebarang tunggakan yuran kepada Persatuan bagi mengelakkan kehilangan hak sebagai ahli Persatuan selaras dengan ketetapan Artikel 5, Artikel 6, dan Artikel 7 Perlembagaan PIKM.

8. **Laporan Tahunan Aktiviti PIKM, Penyata Kira-kira PIKM bagi Tahun berakhir 31 Disember 2021, dan Usul Bertulis akan dipamerkan dan boleh dimuat turun melalui laman web rasmi Persatuan (www.pikm.my) pada 2 Disember 2022 (Jumaat) selaras dengan Perlembagaan PIKM pada Artikel 9.4 (7 hari sebelum tarikh AGM). Untuk makluman, PIKM tidak membekalkan bahan bercetak berkaitan, pada hari mesyuarat tersebut. Tarikh-tarikh penting berkaitan mesyuarat agung seperti di Lampiran 6.**

Segala kerjasama YBhg. Tun/Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian dan salam hormat.

Yang benar,



**DATO' HABIBULLAH BIN DATO' HAJI AHMAD
SETIAUSAHA KEHORMAT**

s.k:

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Negeri Selangor
Aras 8, Wisma PKPS, Persiaran Perbandaran
Seksyen 14
40000 Shah Alam
Selangor



ATURCARA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PIKM KE-29

9 Disember 2022 (Jumaat)

**Dewan Mentari, Mövenpick Hotel and Convention Centre KLIA, Kompleks TH Sepang,
Jalan Masjid KLIA, 64000 Sepang,
Selangor Darul Ehsan**

MASA	ACARA
10.00 pagi - 2.00 petang	<p>Pendaftaran Perwakilan Ahli Persatuan</p> <ul style="list-style-type: none">• Makan tengah hari bermula jam 11.00 pagi hingga 2.00 petang• Ahli-ahli beragama Islam boleh menunaikan Solat Jumaat di Masjid Sultan Abdul Samad KLIA bersebelahan Hotel Movenpick
MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PIKM KE-29	
2.30 petang	Ketibaan Tetamu Jemputan
2.45 petang	Ketibaan Tetamu Kehormat
3.00 petang	<p>Nyanyian Lagu Negaraku dan Lagu Industri Kawalan Keselamatan</p> <p>Bacaan Doa</p> <p>Ucapan Aluan YBhg. Dato' Sri Hj Ramli bin Hj Yusuff, Presiden PIKM</p> <p>Ucapan Perasmian oleh Tetamu Kehormat</p> <p>Perasmian Mesyuarat Agung PIKM ke-29 oleh Tetamu Kehormat</p> <p>Tayangan Video Korporat PIKM</p> <p>Pelancaran Code of Practice for Private Security Agencies Kerjasama PIKM bersama SIRIM STS Sdn Bhd</p> <p>Pelancaran Portal KKB Mall</p>
4.00 petang	TETAMU JEMPUTAN BERSURAI
4.15 petang	Mesyuarat Agung Tahunan PIKM Ke-29 bersidang
6.00 petang	Penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan PIKM Ke-29



AGENDA

MESYUARAT AGUNG PIKM KE-29


BIL	MASA	PERKARA
1.	4.15 pm	Ucapan Pembukaan Presiden
2.	4.20 pm	Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung PIKM Ke-28
3.	4.25 pm	Mengesahkan Laporan Tahunan dan Aktiviti PIKM Tahun 2022
4.	4.30 pm	Mengesahkan dan Meluluskan Laporan dan Penyata Kewangan PIKM bagi Tahun 2021
5.	4.50 pm	Membentang dan Menimbang Usul-usul bertulis
6.	5.40 pm	Pelantikan Juruaudit Bertauliah
7.	5.45 pm	Pelantikan Juruaudit Dalaman
8.	5.50 pm	Pelantikan Penasihat Undang-undang Bertauliah
9.	6.00 pm	Ucapan Penangguhan oleh Presiden PIKM

TATACARA BORANG PENDAFTARAN PERWAKILAN DAN CADANGAN USUL BAGI MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PIKM KE-29 MELALUI PORTAL E-PIKM

1. PENDAFTARAN PERWAKILAN (BORANG A)

Langkah 1: Login ke Portal e-PIKM di <https://www.e-pikm.my>.

Sila gunakan pelayar web versi terkini. Pelayar web yang disyorkan ialah Google Chrome.



Langkah 2: Perwakilan yang belum memulakan sebarang pendaftaran berkaitan Mesyuarat Agung Tahunan PIKM Ke-29 (AGM) akan melihat paparan maklumat seperti di atas di halaman utama Portal e-PIKM. Klik butang **PENDAFTARAN PERWAKILAN (BORANG A)**.

**BORANG PENDAFTARAN PERWAKILAN
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PIKM KE-29**
Klik Disini Untuk Melihat Tatacara Mengisi Maklumat Perwakilan

Nama Syarikat

No. Ahli PIKM

Alamat Syarikat *

Poskod * Daerah *

Negeri *

Telefon * Faks

Langkah 3: Anda akan dibawa ke halaman borang yang perlu diisi. Sila isi maklumat seperti yang ditunjukkan di atas. Semak maklumat syarikat dan pastikan lengkap dan tepat. Sila kemaskini maklumat syarikat jika perlu. Sila pastikan butiran syarikat menggunakan butiran Ibu Pejabat Syarikat.


Nama Penuh Perwakilan 1 *	Nama Penuh Perwakilan 2		
<input type="text" value="Masukkan Nama Penuh Perwakilan 1"/>	<input type="text" value="Masukkan Nama Penuh Perwakilan 2"/>		
Jawatan Dalam Syarikat *	NRIC *	Jawatan Dalam Syarikat	NRIC
<input type="text" value="Masukkan Jawatan Perwakilan"/>	<input type="text" value="Masukkan NRIC Wakil 1"/>	<input type="text" value="Masukkan Jawatan Perwakilan"/>	<input type="text" value="Masukkan NRIC Wakil 2"/>

Langkah 4: Masukkan maklumat Perwakilan 1 dan/atau Perwakilan 2 dengan lengkap.

Maklumat Diatas Diisi Oleh (sila masukkan nama penuh) *	Masukkan NRIC Pengisi Maklumat*
<input type="text" value="Masukkan Nama Penuh Pengisi Maklumat Diatas"/>	<input type="text" value="Masukkan NRIC Pengisi Maklumat Diatas"/>

 **DAFTAR MAKLUMAT**
[Klik Disini Untuk Kembali Ke Halaman Utama](#)

Langkah 5: Masukkan nama individu yang bertanggungjawab mengisi semua maklumat di atas beserta nombor kad pengenalan. Klik butang **DAFTAR MAKLUMAT** untuk menghantar semua maklumat di atas.



Langkah 6: Maklumat yang berjaya disimpan akan memaparkan mesej seperti di atas. Klik **OK** untuk kembali ke Portal e-PIKM.

2. CADANGAN USUL (BORANG B)

PERHATIAN! SILA LENGKAPKAN BORANG DI BAWAH SEBELUM DICETAK:

- Borang Pendaftaran Perwakilan (Borang A)**
 - Diisi dan disahkan secara bertulis oleh Pengarah Urusan selepas dicetak di Portal e-PIKM;
 - Dikemukakan kepada Sekretariat PIKM ke alamat emel agm29@pikm.my;
 - Bagi kelancaran dan persediaan awal mesyuarat, diminta syarikat mengemukakan Borang A pada atau sebelum 24 November 2022 (Khamis), sebelum jam 5.30 petang;
- Borang Cadangan Usul (Borang B)**
 - Diisi dengan lengkap jika ada usul;
 - Disahkan secara bertulis oleh Pengarah Urusan selepas dicetak di Portal e-PIKM;
 - Dikemukakan kepada Sekretariat PIKM ke alamat emel agm29@pikm.my;
 - Tarikh akhir penerimaan Borang B pada atau sebelum 18 November 2022 (Jumaat), sebelum jam 5.30 petang.

[PENDAFTARAN PERWAKILAN \(BORANG A\)](#) [CADANGAN USUL JIKA ADA \(BORANG B\)](#)

Langkah 1: Jika terdapat sebarang **Cadangan Usul (Borang B)**, sila klik butang “**CADANGAN USUL (BORANG B)**”.

**BORANG CADANGAN USUL SEMPENA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN
PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA KE-29**


[Klik Disini Untuk Melihat Tatacara Mengisi Borang Usul](#)

Nama Syarikat
ABC XYZSecurity Sdn Bhd

Cadangan Usul *

[SIMPAN MAKLUMAT](#)
Klik Disini Untuk Kembali Ke Halaman Utama

Langkah 2: Anda akan dibawa ke halaman borang yang perlu diisi. Sila isi cadangan usul seperti yang ditunjukkan di atas. Klik butang **SIMPAN MAKLUMAT** untuk menghantar cadangan usul tersebut.



Langkah 3: Maklumat yang berjaya disimpan akan memaparkan mesej seperti di atas. Klik **OK** untuk kembali ke Portal e-PIKM.

TERMA PENAFIAN (DISCLAIMER)
PENYERTAAN MESYUARAT AGUNG PIKM

Syarikat Kami dengan ini memahami serta bersetuju dengan perkara-perkara seperti berikut:

1. Syarikat Kami mengakui bahawa semua maklumat-maklumat yang dikemukakan adalah sah dan benar.
2. Syarikat Kami akan bertanggungjawab atas penyalahgunaan serta pengingkaran prosedur dan tatacara AGM yang ditetapkan oleh PIKM.
3. Syarikat kami dengan ini bersetuju untuk menyertai AGM PIKM Ke-29.
4. Adalah penting untuk Kami sebagai ahli PIKM menghormati privasi dan hak intelek.
5. Syarikat kami bersetuju dan memahami bahawa Perwakilan yang layak serta didaftarkan (selaras Artikel 9.5, Perlembagaan PIKM) tidak dibenarkan untuk menyimpan, merakam, berkongsi atau muatnaik sesi AGM kepada pihak-pihak lain yang tidak mempunyai kelayakan bagi menyertai AGM. PIKM dibenarkan untuk mengambil tindakan yang wajar untuk menjaga privasi serta kerahsiaan sepanjang AGM bersidang.

Langkah 4: Ahli perlu bersetuju dengan Terma Penafian atau *Disclaimer* yang ditetapkan sebelum dapat mencetak borang-borang. Ahli akan dianggap bersetuju dengan terma penafian yang ditetapkan jika mencetak borang tersebut.

Kami dengan ini bersetuju bahawa semua maklumat yang dinyatakan adalah benar.
Kami juga maklum bahawa maklumat terkini yang akan diambil dan diproses oleh pihak Sekretariat.

Sila gunakan pelayar web versi terkini. Pelayar web yang disyorkan ialah Google Chrome.

Catatan Penting: Borang yang telah dicetak perlu dilengkapkan di bahagian yang memerlukan tulisan tangan dan juga perlu dicop dengan cop syarikat di tempat yang sepatutnya.

PERINGATAN PENTING

PIHAK SEKETARIAT BERHAK MENOLAK PENDAFTARAN YANG DIDAPATI TIDAK DIISI DENGAN LENGKAP, MENGANDUNGI MAKLUMAT YANG TIDAK TEPAT ATAU TIDAK BENAR.

Untuk bantuan teknikal berkaitan pengisian maklumat di atas, sila hubungi pihak Sekretariat PIKM di talian 03-7804 7359 / 03-7804 9358.



Panduan Mengisi Borang Perwakilan (Borang A)

1. Syarikat yang akan menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan PIKM ke-29 perlu mengisi dengan lengkap Borang Perwakilan seperti di **Borang A melalui Portal e-PIKM (www.e-pikm.my)**.
2. Syarikat perlu memastikan butiran yang diperlukan iaitu nama syarikat, alamat, nombor telefon, nombor faks, alamat emel, serta mengemukakan butiran dua orang perwakilan iaitu nama penuh, nombor kad pengenalan dan jawatan **diisi dengan tepat**.
3. Syarikat perlu **mencetak Borang A** yang diisi dari Portal e-PIKM dan **mengesahkan borang tersebut oleh Pengarah Urusan** dengan melengkapkan nama, tandatangan, tarikh dan cop syarikat.
4. Borang Perwakilan (Borang A) yang telah lengkap diisi harus dikemukakan kepada Sekretariat PIKM ke alamat emel **agm29@pikm.my**.
5. Persatuan berhak untuk menolak pendaftaran perwakilan bagi maklumat yang didapati **tidak lengkap atau tidak sah**.
6. Bagi kelancaran dan persediaan awal mesyuarat, diminta syarikat mengemukakan Borang A **pada atau sebelum 24 November 2022 (Khamis), sebelum jam 5.30 petang** (15 hari sebelum tarikh AGM).
7. **PIHAK SEKETARIAT BERHAK MENOLAK PENDAFTARAN YANG DIDAPATI TIDAK DIISI DENGAN LENGKAP, MENGANDUNGI MAKLUMAT YANG TIDAK TEPAT / TIDAK BENAR ATAU DITERIMA SELEPAS JAM 5:30 PM PADA 24 NOVEMBER 2022.**

Nota: Artikel 9.5 Perlembagaan PIKM berkenaan **kelayakan perwakilan mesyuarat agung**. Semua ahli diminta menamakan tidak lebih dari dua (2) orang Perwakilan yang terdiri daripada Pemegang Saham atau Ahli Lembaga Pengarah Syarikat untuk menghadiri mesyuarat agung. Perwakilan yang dinamakan hendaklah mematuhi **Artikel 9 (Perkara 9.5) Perlembagaan PIKM**.

Article 9.5 MEMBER REPRESENTATIVE

Each Member shall be entitled to appoint not more than two (2) representatives to represent them at any AGM or Extraordinary General Meeting (EGM). These representatives must either be:

- a) the Executive Chairman, Managing Director or Executive Director in the case of companies registered under the Companies Act, 2016; or
- b) the Sole Proprietor (in the case of a business registered under the Registrar of Business) or a Partner in the case of partnership firm;
- c) provided that no proxies shall be allowed to attend the meeting and vote.



LAMPIRAN 5

Panduan Mengisi Borang Cadangan Usul (Borang B):

1. Syarikat yang ingin mencadangkan usul perlu mengisi dengan lengkap Borang Perwakilan (Borang A) terlebih dahulu, sebelum dibenarkan mengisi **Borang Cadangan Usul (Borang B) melalui Portal e-PIKM (www.e-pikm.my)**.
2. Syarikat perlu memastikan butiran yang diperlukan iaitu nama syarikat dan cadangan usul **diisi dengan lengkap**.
3. **Sekiranya mempunyai usul**, syarikat perlu mencetak Borang Cadangan Usul (Borang B) yang diisi dari Portal e-PIKM dan mengesahkan borang tersebut oleh Pengarah Urusan dengan melengkapkan nama, tandatangan, tarikh dan cop syarikat.
4. Borang B yang telah lengkap diisi harus dikemukakan kepada Sekretariat PIKM ke alamat emel agm29@pikm.my pada atau sebelum 18 November 2022 (Jumaat), sebelum jam 5.30 petang.
5. **PIHAK SEKETARIAT BERHAK MENOLAK PENDAFTARAN YANG DIDAPATI TIDAK DIISI DENGAN LENGKAP, MENGANDUNGI MAKLUMAT YANG TIDAK TEPAT / TIDAK BENAR ATAU DITERIMA SELEPAS JAM 5:30 PM PADA 18 NOVEMBER 2022.**

Nota: Artikel 9.2 Perlembagaan PIKM berhubung sebarang resolusi atau usul daripada Ahli yang dicadangkan untuk dibentangkan dan dipertimbangkan pada AGM hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Setiausaha Kehormat tidak lewat daripada dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh AGM.

NOTICE OF BUSINESS

Notice of any resolution or motion from Members proposed to be moved at the AGM shall be given in writing to Honorary Secretary not later than twenty-one (21) days before the date of the AGM.

LAMPIRAN 6

TARIKH-TARIKH PENTING BERKAITAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PIKM KE-29 PADA 9 DISEMBER 2022 (JUMAAT)

BIL.	PERKARA	TARIKH	CATATAN
1.	Mesyuarat Agung Tahunan PIKM ke-29	9 Disember 2022 (Jumaat)	Dewan Mentari, Mövenpick Hotel and Convention Centre KLIA, Kompleks TH Sepang, Jalan Masjid KLIA, 64000 Sepang, Selangor.
2.	Penghantaran Notis Mesyuarat Agung	9 November 2022 (Rabu)	<ul style="list-style-type: none">• Laman Web PIKM & Emel.• Perlembagaan PIKM pada Artikel 9.1 iaitu 30 hari sebelum tarikh mesyuarat agung.
3.	Penghantaran Borang Perwakilan (Borang A) kepada PIKM	24 November 2022 (Khamis), sebelum jam 5.30 petang	Bagi kelancaran dan persediaan awal mesyuarat (15 hari sebelum tarikh mesyuarat agung)
4.	Penghantaran Borang Cadangan Usul (Borang B) kepada PIKM	18 November 2022 (Jumaat) sebelum jam 5.30 petang	<ul style="list-style-type: none">• <i>Sekiranya ada.</i>• Perlembagaan PIKM pada Artikel 9.2 iaitu 21 hari sebelum tarikh mesyuarat agung.
5.	Laporan Mesyuarat Agung (dimuat turun melalui laman web rasmi Persatuan (www.pikm.my)) <ul style="list-style-type: none">• Minit Mesyuarat Agung Tahunan PIKM Ke-28;• Laporan Tahunan dan Aktiviti 2022;• Laporan Kewangan Berakhir Disember 2021;• Agenda;• Usul bertulis.	2 Disember 2022 (Jumaat)	Perlembagaan Artikel 9.4 iaitu 7 hari sebelum tarikh mesyuarat agung.